

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN** menyatakan:

- a) bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia yang ada di Sibul, dan berapa yang akan dibina di Sibul serta jumlah wang yang digunakan untuk setiap KR1M; dan
- b) bilangan aduan yang diterima mengenai harga dan mutu barangan yang dijual dan cara untuk mengatasi aduan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- a) Sehingga kini, sebanyak 24 buah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah beroperasi di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2 buah KR1M beroperasi di Sibul iaitu sebuah di Parlimen Lanang dan sebuah lagi di Parlimen Sibul.

Kos pembangunan sebuah KR1M bergantung kepada beberapa faktor seperti lokasi, keluasan dan keadaan fizikal premis. Bagi negeri Sarawak, pembangunan KR1M terbahagi kepada 2 kategori iaitu pusat pengedaran dan jualan (*distribution centre*) yang berkeluasan antara 12,000 hingga 20,000 kaki persegi dengan kos pembangunan dianggarkan sebanyak RM2.5 juta setiap satu. Bagi kedai yang berkeluasan antara 3,000 hingga 8,000 kaki persegi kos pembangunan dianggarkan sebanyak RM1 juta.

- b) Sehingga kini, pusat aduan pengguna KPDNKK telah menerima sebanyak 20 aduan berkenaan dengan harga dan mutu barangan yang dijual di KR1M. Bagi mutu barangan, KR1M sentiasa mengambil tindakan dari masa ke semasa untuk menambah baik barangan yang dijual dengan memastikan semua produk makanan yang dijual di KR1M perlu mematuhi sekurang-kurangnya persijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan bagi barangan bukan makanan pula perlu mematuhi peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan. Disamping itu terdapat aduan berkaitan dengan harga barangan bukan 1Malaysia yang sememangnya tidak dikawal harganya

berbanding dengan harga barangan Malaysia yang harganya sama dan seragam di seluruh negara.